

BILIK MESYUARAT

KELAB SRI RAJUNE



MEMBANGGAKAN: Lima pelajar yang telah tamat pengajian dan menerima skrol masing-masing pada Majlis Konvokesyen UPM ke-47 merakam gambar bersama alumni UPM yang juga mewakili penaja biasiswa.

Lima pelajar tajaan Alumni UPM berjaya tamat pengajian

BINTULU: Lima pelajar yang menerima tajaan biasiswa daripada Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menamatkan pengajian dan menerima diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen UPM ke-47, Sidang 1, di UPM Kampus Bintulu pada Sabtu lalu.

Mereka kemudiannya diraikan dengan sesi temu mesra bersama penaja biasiswa pada hari tersebut.

Para pelajar terbabit terdiri daripada Nurul A'fifah Nabilah Ahmad yang menerima Diploma Pengurusan Perladangan Makanan dan merupakan pelajar tajaan Biasiswa Soh Kim Mee.

Manakala tiga pelajar masing-masing pemegang Diploma Pertanian ialah Mirna Makiri, Nurul Sajeedah Abdul Rahman dan Muhammad Mu'izuddin Sakka merupakan pelajar tajaan Biasiswa Chapter Cyperus 92 (2.0).

Seorang lagi ialah Muhammad Khairin Danish Mohd Khairani, menerima Diploma Pengurusan Perladangan Makanan sebagai pelajar tajaan Biasiswa TMJ.

Kesemua pelajar ini antara 484 graduan yang berjaya menerima Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma yang telah disampaikan oleh Tuanku Canselor UPM Sultan Sharafuddin Idris Shah di

Dewan Sri Kenyalang pada 4 November lalu.

Menurut kenyataan UP-MKB, setiap kos berkaitan selama tiga tahun pengajian kesemua pelajar ini telah dibiayai sepenuhnya oleh pihak penaja yang merupakan Alumni UPM, sama ada yang sedang berkhidmat di UPM dan juga berjaya dalam industri masing-masing di luar UPM.

“Mereka telah menikmati keistimewaan ini sejak tahun satu pengajian serta dipilih dengan kriteria tertentu.

“Syarat utama adalah mereka perlu cemerlang dalam akademik, aktif dalam kurikulum dan diberikan keutamaan kepada para pelajar yang memerlukan bantuan kewangan seperti golongan keluarga B40, asnaf dan pelajar orang kelainan upaya (OKU),” tambah kenyataan itu.

Pendaftar UPM merangkap Penaja Biasiswa Alumni QKB MPP 04 Muhamzam Mansor (Alumni UPM Kelas 2006) yang hadir pada sesi itu berkata, semua yang hadir bangga melihat para pelajar yang ditaja dari tahun satu sudah berjaya menerima skrol masing-masing.

Katanya, mereka mengharapkan semua pelajar ini memanfaatkan ilmu dengan sebaiknya untuk diri sendiri, keluarga, bangsa, agama dan juga alma mater.

“Semua pelajar sudah bergelar alumni UPM maka

jadilah alumni yang memainkan peranan terbaik untuk bersama-sama mengharumkan nama UPM menggalas amanah dan tanggungjawab demi memartabatkan institusi pendidikan negara,” ujarnya.

Timbalan Pendaftar Pusat Asasi Sains UPM yang mewakili penaja Chapter Cyperus 92 (2.0) Mat Razi Abdullah (Alumni UPM Kelas 1992) berkata, para pelajar tajaan Chapter Cyperus 92 (2.0) perlu sentiasa mengekalkan hubungan baik agar dapat bersama-sama merealisasikan moto UPM ‘Berilmu Berbakti’ untuk menjayakan agenda kecermerlangan universiti.

Timbalan Pengarah Pusat Perhubungan Alumni UPM (ARCUPM) Fahmi Azar Mistar (Alumni UPM Kelas 1998 dan 2010) berkata, ARCUPM selaku entiti penghubung antara alumni, alma mater dan pelajar mengalu-alukan kehadiran alumni kembali menyumbang kepada universiti bukan sahaja untuk kecermerlangan universiti tetapi membantu pelajar yang memerlukan bantuan untuk meneruskan pengajian.

Program itu dihadiri Penasihat Undang-Undang UPM Muhammad Adil Ahmad Tajuddin dan Pegawai Psikologi, Bahagian Alumni dan Kaunseling UPMKB Muhammad Abdul Rahim Habib (Alumni UPM kelas 2022).